

**PEMBERITAHU PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** LISAN

**DARIPADA :** TUAN AHMAD MARZUK BIN SHAARY [ BACHOK ]

**TARIKH :** 12.6.2014

**SOALAN :**

**Tuan Ahmad Marzuk bin Shaary [ Bachok ]** minta **MENTERI PENDIDIKAN** menyatakan jumlah aduan berkaitan pertukaran guru diterima oleh SUHAKAM, Biro Pengaduan Awam, Pejabat Pelajaran Daerah, SPRM dan Polis. Apakah jaminan Kerajaan bahawa guru-guru tidak ditukar atas alasan politik.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) sentiasa mempunyai dasar yang telus dan terbuka bagi justifikasi pertukaran dan penempatan guru. Pertukaran guru dilaksanakan dua (2) kali setahun iaitu pada 1 Januari dan 1 Jun setiap tahun dan dipohon secara atas talian melalui Sistem e-GTukar.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dari 1 Januari hingga 31 Mei 2014, KPM menerima sebanyak 26 aduan berkaitan pertukaran guru. Walau bagimanapun, seseorang pegawai adalah terikat dengan kerajaan bermula apabila individu tersebut menurunkan tandatangan bersetuju dengan syarat-syarat semasa dilantik. Di antara syarat perkhidmatan yang dipersetujui:

- a) Boleh diarah berkhidmat di mana-mana tempat oleh kerajaan

- b) Sentiasa tertakluk kepada Perintah-Perintah Am Kerajaan, Peraturan-Peraturan Perkhidmatan Awam, Skim Perkhidmatan, Pekeliling serta Peraturan-Peraturan dan arahan-arahan lain yang berkuatkuasa dari semasa ke semasa.

Untuk makluman Ahli Yang berhormat, KPM melaksanakan pertukaran guru berdasarkan:

- a) Keperluan perkhidmatan.
- b) *Redeployment* terhadap keperluan opsyen sesebuah sekolah, Pejabat Pendidikan Daerah dan Jabatan Pendidikan Negeri.
- c) Permohonan guru melalui e-Gtukar dan kelulusan berdasarkan keperluan dan kekosongan opsyen bagi sesebuah sekolah

## **PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATUK HAJI DATU NASRUN BIN  
DATU MANSUR [ SILAM ]**

**TARIKH JAWAPAN : 12 JUN 2014 (KHAMIS)  
DI DEWAN RAKYAT**

**SOALAN : NO. 49**

### **SOALAN**

Minta **MENTERI TENAGA, TEKNOLOGI HIJAU DAN AIR** menyatakan melalui Data Prestasi Loji Penjanaan Tenaga Elektrik di Sabah pada tahun 2013, SESB menjana 206.23 Megawatts iaitu 21 peratus dan selebihnya adalah penjana kuasa IPP. Adakah pihak Kementerian bercadang untuk membina semula loji arang batu di Lahad Datu untuk meningkatkan jumlah penjanaan tenaga elektrik memandangkan keperluan tenaga elektrik makin meningkat disebabkan pertumbuhan penduduk dan perindustrian di Sabah.

## **JAWAPAN**

Tuan Yang Dipertua,

Untuk Makluman Ahli Yang Berhormat,

1. Kerajaan menyedari keperluan bagi meningkatkan penjanaan bekalan elektrik bagi memastikan bekalan elektrik yang lebih stabil dan *reserve margin*, dengan izin, yang lebih baik, sebagai pemangkin utama kepada pembangunan dan perindustrian, khususnya di kawasan Timur Sabah. Dalam hal ini, terdapat keperluan untuk membina sebuah stesen jana kuasa berkapasiti besar untuk beroperasi secara *baseload* bagi memenuhi permintaan bekalan di kawasan Pantai Timur Sabah.
  
2. Oleh yang demikian, Kerajaan telah membuat keputusan pada tahun 2005 untuk membina sebuah stesen jana kuasa berasaskan arang batu di Pantai Timur Sabah berikutan ketiadaan sumber bahan api gas dan sepatutnya mula beroperasi pada tahun 2010. Walau bagaimanapun, susulan daripada pelbagai bantahan yang diterima daripada beberapa pihak, projek tersebut telah dibatalkan dan terpaksa digantikan dengan opsyen penjanaan lain.

3. Pembatalan projek jana kuasa berasaskan arang batu tersebut bermakna pengguna-pengguna di Sabah telah kehilangan *lead time* selama 5 tahun. Salah satu langkah serta-merta yang telah diambil bagi menampung kekurangan kapasiti penjanaan tersebut adalah melalui penempatan set-set jana kuasa mudah alih di seluruh negeri Sabah. Selain dari itu, kapasiti penjanaan di kawasan Pantai Timur Sabah juga dibekalkan melalui set-set jana kuasa di Pantai Barat yang disalurkan melalui Talian Penghantaran Timur-Barat.

Tuan Yang Dipertua,

4. Saya ingin memaklumkan bahawa 2 projek penjanaan berkapasiti besar di Kimanis, iaitu Stesen Jana Kuasa SPR Energy (100MW) dan Kimanis Power (285MW) kini di peringkat akhir pelaksanaan dan sedang memulakan tugas secara berperingkat mulai bulan Jun 2014. Selain dari itu, Projek Stesen Jana Kuasa Cash Horse berasaskan biomass di Sandakan dijangka akan memulakan operasinya pada penghujung bulan Jun 2014. Projek ini akan membekalkan kapasiti penjanaan tambahan sebanyak 10MW lagi kepada pengguna-pengguna di Pantai Timur Sabah di samping kapasiti tambahan sebanyak 84MW daripada set jana kuasa yang baru dibaik pulih di Sandakan (20MW) dan

Stesen Jana Kuasa Kubota (64MW) yang telah di mula tugas sejak Julai 2013.

5. Bagi menampung keperluan permintaan elektrik di Pantai Timur Sabah terutamanya di Lahad Datu, pihak Kerajaan bercadang untuk membangunkan stesen jana kuasa setempat berkapasiti 34MW di lokasi Stesen Jana Kuasa Lahad Datu sedia ada pada tahun 2017 bagi memastikan aspirasi strategi “*Self Zonal Sufficiency*” atau keupayaan mencukupi setempat dari segi pembekalan elektrik di zon-zon besar di Sabah seperti Lahad Datu dapat dicapai.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat,

6. Kerajaan juga sedang meneliti semula cadangan pembinaan sebuah stesen jana kuasa besar berkapasiti 300MW di Pantai Timur Sabah menjelang tahun 2020 terutama sekali dari segi lokasi dan juga bahan api yang akan digunakan. Perancangan asal adalah bagi pembinaan *Liquefied Natural Gas (LNG) Regasification Terminal (RGT)* dan stesen janakusa 300MW berasaskan di POIC Lahad Datu. Keputusan asal ini sedang dikaji semula kerana isu berkaitan harga bahan api LNG pada harga pasaran semasa akan menyebabkan kos penjanaan yang mahal dan melebihi kemampuan SESB berdasarkan

kadar tarif sedia ada. Ini sekali gus akan menyebabkan Kerajaan perlu menampung kos subsidi operasi yang tinggi dan berterusan bagi memastikan tarif elektrik di Sabah adalah pada kadar yang berpatutan.

\*\*\*\*\*